



MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**

SEMPENA

**MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN
HALAMAN RUMAH BERSIH DAN INDAH PERMATANG
NIBONG**

**TARIKH / MASA / TEMPAT
23 DISEMBER 2018 (AHAD)
2.30 PETANG**

**DEWAN KAFA
PERMATANG NIBONG
PERMATANG PAUH**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Ir Hj Rosnani bt Hj Mahmud

Setiausaha Perbandaran

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Encik Viswanathan Paramasivam

Ketua Operasi Flex Penang

Yang Berusaha Encik Rosli Bin Ishak

Pengerusi Koperasi Kerjaya Permatang Nibong Berhad

Yang Berusaha Encik Annas Bin Mohd Kassim

Pengerusi Koperasi Lestari Alam Sekitar Permatang Nibong

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Para Penduduk Permatang Nibong

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama pada hari ini dalam Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Halaman Rumah Bersih dan Indah Permatang Nibong anjuran bersama MPSP, Flex Penang dan Koperasi Lestari Alam Sekitar Seberang Perai Berhad. Program ini adalah salah satu acara yang dirancang dan dilaksanakan bersempena Sambutan Hari Bumi Flex Penang yang dilancarkan pada 9 April 2018.

Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Berusaha Encik Viswanathan Paramasivam, Ketua Operasi Flex Penang dan pihak Pengurusan Flex Penang di atas sokongan padu yang diberikan oleh Flex Penang dalam usaha Kempen Hari Bumi 2018 yang secara tidak langsung menggambarkan semangat warga Flex Penang yang cintakan kehijauan bumi dan kesejahteraan alam sekitar. Syabas dan Tahniah!

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Encik Anas Bin Mohd Kassim, Pengerusi Koperasi Lestari Alam Sekitar Seberang Perai Berhad, Encik Rosli Bin Ishak, Pengerusi Koperasi Kerjaya Permatang

Nibong Berhad dan juga para penduduk Permatang Nibong yang telah memberikan kerjasama dan komitmen dalam menjayakan program pada pagi ini.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Majlis Perbandaran Seberang Perai mensasarkan untuk menjadi sebuah Bandaraya Rendah Karbon (*Low Carbon City*) dan Bandaraya Pintar (*Smart City*) menjelang Tahun 2022. Pelbagai usaha telah diketengahkan untuk mencapai "*Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau Kompetitif dan Bandar Pintar Dipacu oleh Teknologi*". Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) juga komited untuk melaksanakan wawasan Negeri Pulau Pinang yang dinyatakan dalam *Penang 2030* (Pulau Pinang 2030), iaitu "*A Family-Focused Green and Smart State*" (Pulau Pinang Pintar, Hijau dan Mesra Keluarga). Wawasan *Penang 2030* adalah merupakan suatu gagasan berwawasan, realistik, praktikal dan berpaksikan rakyat dan memberi tumpuan kepada kepada empat (4) objektif utama iaitu meningkatkan taraf hidup serta kualiti hidup penduduk; mengembangkan saiz ekonomi demi meningkatkan pendapatan isi rumah; memperkasa rakyat demi mengukuhkan sistem masyarakat sivil dan pelaburan Kerajaan Negeri dalam pembangunan alam semula jadi agar lebih berdaya tahan.

Selaras dengan Wawasan Penang 2030, MPSP mengamalkan dasar penuh kebertanggungjawaban dan keterbukaan dalam penyampaian perkhidmatan yang pantas dan berkesan untuk meningkatkan keyakinan rakyat terhadap perkhidmatan MPSP. MPSP merupakan sebuah organisasi berorientasikan rakyat atau "*People Centric Organisation*" dan telah dan akan terus memperbanyakkan program sejajar dengan *people centric*. Keutamaan diberikan kepada remaja dan warga emas bagi membina masyarakat bukan sahaja mencintai alam sekitar malahan masyarakat yang menyayangi sesama insan termasuk haiwan serta tumbuh-tumbuhan. Program Pertandingan Halaman Rumah Bersih dan Indah Permatang Nibong merupakan antara program-program *people centric* yang dianjurkan oleh MPSP.

Program Pertandingan Halaman Rumah Bersih dan Indah Permatang Nibong bersempena Kempen Hari Bumi 2018 telah dilancarkan pada 29 Julai 2018 dan adalah merupakan *smart partnership* melalui konsep 7Ps (*People, Public, Private, Philanthropy, Philosopher, Planet Partnership*), di mana melalui pendekatan *people and private partnership*, MPSP menjalinkan kerjasama dengan syarikat korporat dan juga masyarakat setempat yang secara tidak langsung memberi impak positif terhadap usaha pemeliharaan alam sekitar dan bumi kita.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Pertandingan Halaman Rumah Bersih dan Indah Permatang Nibong bertujuan untuk mewujudkan satu masyarakat menjaga kesihatan serta kebersihan persekitaran dan keindahan halaman rumah dalam membentuk satu perkampungan yang bersatu-padu, indah dan tersusun. Kriteria yang ditetapkan termasuk pokok hiasan yang ditanam serta susun atur landskap, penanaman sayur-sayuran, keadaan kebersihan halaman rumah, penggunaan bahan buangan secara optima untuk hiasan (*upcycle*), penghasilan kompos sebagai baja tanaman dan pengasingan sisa di punca untuk kitar semula.

lanya juga untuk membudayakan dan menyemai amalan menjaga kebersihan di dalam dan luar rumah serta halaman bagi menghindarkan pencemaran alam sekitar, memusnahkan tempat pembiakan nyamuk aedes, di samping mengindahkan dan menghijaukan persekitaran yang memaparkan cara hidup orang Malaysia. Selain daripada itu, sekiranya ada ruang di halaman rumah adalah amat digalakkan untuk menanam pokok buah-buahan, pokok bunga dan juga sayur-sayuran yang berfaedah dan mendatangkan hasil untuk kegunaan sendiri.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Pulau Pinang sedang mengalami peningkatan wabak aedes daripada tiga (3) kematian kepada sepuluh (10) kematian. Justeru, saya menyeru kepada semua penduduk mestilah bangun menghadapi keadaan ini dengan memusnahkan tempat pembiakan aedes dan yang berpotensi untuk pembiakan. Mengikut kajian yang dibuat oleh Kementerian Kesihatan Malaysia , 55% tempat pembiakan adalah di dalam kawasan rumah dan 24% adalah di luar rumah. MPSP telah mengadakan program gotong-royong setiap minggu untuk membersihkan kawasan-kawasan wabak. Walau bagaimanapun, tindakan gotong royong tidak menunjukkan kesan yang baik kerana masih berlaku peningkatan kematian dan penambahan kawasan wabak.

MPSP telah mengambil tindakan yang drastik dengan menubuhkan skuad pengendalian krisis denggi yang berfungsi untuk memusnahkan tempat pembiakan aedes dan mengambil tindakan pembersihan. Skuad ini mempunyai 150 kekuatan. Mereka akan melaksanakan kerja-kerja pemusnahan dan pembersihan di kawasan *hot spot* setiap hari mengikut jadual yang ditentukan.

Saya menyeru kepada penduduk supaya jangan mengambil isu ini sambil lewa, skuad pengendalian krisis denggi hanya dapat membuat

pembersihan di luar kawasan rumah manakala penduduk perlu menghapuskan aedes di dalam kawasan rumah seperti bekas-bekas bertakung, plastik, pasu-pasu bunga dan daun-daun kering.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Program kitar semula Permatang Nibong sebenarnya telah bermula sejak tahun 2012 di bawah Jawatankuasa Kariah Masjid. Program kitar semula Permatang Nibong telah berkembang maju dengan penglibatan aktif para penduduk sehingga ke tahap mampu menghasilkan produk-produk *upcycle*. Susulan daripada kejayaan ini, para penduduk telah menubuhkan koperasi untuk tujuan promosi dan pemasaran produk *upcycle*.

Pertandingan Halaman Rumah Bersih dan Indah Permatang Nibong adalah terbuka kepada penghuni rumah dalam Permatang Nibong di mana 56 penghuni rumah telah mengambil bahagian. Penilaian awal dan pemberian khidmat nasihat telah dilaksanakan dalam bulan September dan Oktober 2018 dan pertandingan ditutup pada 30 Oktober 2018. Penilaian juri daripada Flex Penang pula diadakan pada awal bulan Disember 2018 dan keputusannya akan diumumkan pada hari ini.

Setiap penyertaan dinilai berdasarkan kriteria-kriteria yang telah ditetapkan seperti

- i. Jumlah pokok hiasan yang ditanam serta susun atur landskap.
- ii. Penanaman sayur-sayuran.
- iii. Tahap kebersihan halaman rumah.
- iv. Penggunaan bahan buangan secara optima untuk hiasan seperti menghasilkan barangan *upcycle* untuk dijadikan hiasa di halaman rumah.
- v. Penghasilan kompos daripada sisa dapur dan sisa tumbuhan sebagai baja tanaman.
- vi. Pengasingan sisa di punca untuk kitar semula.

Bagi memudahkan proses pemantauan dan laporan, kod QR diperkenalkan bagi penghuni rumah yang menghantar barang kitar semula ke pusat kitar semula. Rekod ini dijadikan sebagai proses penilaian pertandingan halaman rumah bersih dan indah. Penghuni sendiri bertanggungjawab menjaga kebersihan dan keindahan halaman rumah sendiri dan tidak berharap orang lain datang untuk bersihkan.

Flex Penang telah sudi menaja dan menyumbangkan hadiah kemenangan Pertandingan Halaman Rumah Bersih dan Indah berbentuk barang-barangan elektrik dengan jumlah bernilai RM2,000.00. Hadiah-hadiah yang disediakan ialah:-

- i. Johan - Oven Elektrik bernilai RM500.00 dan sijil kepujian
- ii. Naib johan - Radio berserta CD *player* bernilai RM300.00 dan sijil kepujian
- iii. Ketiga - *Microwave Oven* bernilai RM200.00 dan sijil kepujian
- iv. Inovasi - (2 hadiah) *Food Steamer* bernilai RM100.00 dan sijil kepujian
- v. Saguhati - (10 hadiah) Kipas Meja bernilai RM80.00 dan sijil kepujian

Flex Penang juga telah menyumbangkan hadiah pertandingan mewarna yang diadakan semasa pelancaran Pertandingan Halaman Rumah Bersih dan Indah pada 29 Julai 2018. Sekalung penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada pihak Flex Penang.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Saya menyeru kepada para hadirin sekalian dan warga Seberang Perai untuk terus membantu MPSP dalam menjadikan Seberang Perai lebih bersih dan cantik serta mempunyai penduduk yang sihat sejajar dengan *tagline* MPSP iaitu “***Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan***” atau “***Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow***”. Saya juga mengharapkan agar kampung ini dapat menjadi contoh dan teladan kepada kampung-kampung lain di Seberang Perai.

Akhir kata, terima kasih kepada penduduk Permatang Nibong yang menyokong semua usaha yang telah dibuat oleh MPSP selama ini dan berharap agar terus menyokong inisiatif-inisiatif yang direncanakan oleh MPSP ke arah pembentukan Bandaraya Rendah Karbon dan Bandaraya Pintar menjelang tahun 2022. Terima kasih sekali lagi kepada pihak Flex Penang atas kerjasama dan sokongan yang diberikan untuk menjayakan program ini. Saya berharap usaha kelestarian hijau Permatang Nibong ini dapat menjadi contoh kepada komuniti-komuniti lain di Seberang Perai. Saya mengucapkan tahniah kepada para pemenang Pertandingan Halaman Rumah Bersih dan Indah.

Sebagai mengakhiri kata-kata, dengan lafaz BISMILLAH saya dengan ini merasmikan Majlis Penyampaian Pertandingan Halaman Rumah Bersih Dan Indah Permatang Nibong.

Sekian,

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***

Terima kasih.